

Headline	KPJIUC ceriakan kanak kanak		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Jan 2012	Color	Black/white
Section	Sentral	Circulation	192,982
Page No	15	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	359 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,167
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,501



KPJIUC ceriakan kanak-kanak

30 pelajar rai kanak-kanak kurang bernasib baik keluarga besar Norlina



Oleh Samadi Ahmad

bhnews@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Seramai 30 pelajar Kolej Universiti Antarabangsa Kejururawatan dan Sains Kesihatan, Kumpulan Perubatan Johor Sdn Bhd (KPJIUC) cawangan Nilai meraikan kanak-kanak kurang bernasib baik di Kediaman Keluarga Besar Norlina Alawi Bhd (KKBNAB) di Kampung Cheras Baru, baru-baru ini.

Program yang mendapat kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar KPJIUC itu bagi mendedahkan pelajarannya kepada golongan terbabit, selain merapatkan hubungan antara kakitangan.

Pelbagai kegiatan diadakan bagi menceriakan penghuni rumah kebajikan itu termasuk mewarna dan melukis.

Ketua Hal Ehwal Pelajar KPJIUC cawangan Nilai, Rosmah Ahmad, berkata program amal itu bagi menerapkan nilai murni di kalangan pelajar sepanjang mereka menuntut di kolej itu.

Beliau berkata, kerja amal itu adalah khidmat sosial berterusan pihaknya yang sebelum ini menganjurkan program bersama anak yatim di surau kuarters Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Katanya, inisiatif dilakukan pelajar itu secara tidak langsung dapat menyelami hati kanak-kanak iaitu modal insan yang amat berguna satu hari kelak, di samping memberi suntikan semangat kepada mereka supaya lebih berjaya dalam pelajaran masing-masing.

Pengarah program, Nor Najihah Zakaria, 20, berkata sebagai penuntut kejururawatan, berdampingan dengan masyarakat adalah satu aspek wajib, selain perlu memiliki nilai kasih sayang dan semangat membantu.

"Program itu menginsafkan pelajar dan saya yakin ia mampu menyuntik semangat kami untuk belajar lebih tekun dan bersemangat," katanya yang menuntut di Tahun Tiga juru-

Headline	KPJIUC ceriakan kanak kanak		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Jan 2012	Color	Black/white
Section	Sentral	Circulation	192,982
Page No	15	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	359 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,167
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,501

san Kejururawatan.

Bagi Nancy Li Hui Szei, 28, kehadiran pelajar di situ turut mendedahkan mengenai pengurusan kanak-kanak dan kemahiran berkomunikasi.

Katanya, selain merapatkan hubungan pelajar dengan kanak-kanak di kediaman itu, ia juga dapat memberi peringatan kepada mereka bahawa ada insan tidak bernasib baik yang memerlukan bantuan dan perhatian.

Pelajar turut menyampaikan sumbangan makanan dan wang tunai berjumlah RM1,500 hasil kutipan derma di kalangan mereka yang diserahkan Norlina yang juga pengasas KKBNAB.

KKBNAB yang dulunya dikenali sebagai Pusat Perlindungan PERNIM Bhd dibuka pada 2001 bagi menempatkan lebih 40 kanak-kanak di kalangan pesakit HIV/Aids, yatim piatu, mualaf dan kanak-kanak terbiar.



PELAJAR KPJIUC cawangan Nilai beramah mesra bersama kanak-kanak di Kediaman Keluarga Besar Norlina Alawi Bhd di Kampung Cheras Baru, Kuala Lumpur.